

20 OCT 2001

BSKL-MINGGUAN

PELABUR BSKL DIRAMAL TERUS BERHATI-HATI

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Pengeboman berterusan oleh Amerika Syarikat di Afghanistan dan kekalutan yang disebabkan oleh "pengganas biologi" mungkin akan menjadikan pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terus berhati-hati minggu depan.

Wall Street dijangka akan menjadi petunjuk utama bagi hala tuju Indeks Komposit (IK), kata para peniaga.

Bagaimanapun, masih ada peluang bagi pasaran memberi reaksi positif terhadap Belanjawan 2002 yang "lengkap dan berimbang" yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad yang merupakan menteri kewangan, semalam.

Para pelabur kini jelas bahawa langkah-langkah yang diumumkan dalam belanjawan itu bertujuan untuk menangani kesan kemelesetan ekonomi di Jepun dan Amerika Syarikat.

Sementara itu di sepanjang minggu ini, pasaran stabil dengan pelabur masih berhati-hati tentang perkembangan-perkembangan luaran. Mereka juga menunggu-nunggu pembentangan Belanjawan 2002.

Bagaimanapun, para pelabur sempat memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan sarung tangan getah kerana mereka percaya permintaan terhadap sarung tangan getah adalah besar berikutan kebimbangan terhadap penyebaran anthrax.

Petunjuk aras IK menutup minggu ini pada 615.02, iaitu 3.7 mata lebih tinggi daripada 611.32 minggu sebelumnya.

Indeks Emas meningkat kepada 147.48 daripada 146.33 dan Indeks Papan Kedua meningkat kepada 118.39 daripada 116.33. Bagaimanapun, Indeks Perusahaan berkurangan kepada 1,203.99 daripada 1,212.74.

Jumlah dagangan Papan Utama berkurangan kepada 615.652 juta saham bernilai RM1.073 bilion berbanding 682.499 juta saham bernilai RM1.161 bilion minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 175.616 juta saham bernilai RM280.293 juta berbanding 125.791 juta saham bernilai RM192.248 juta.

Mengikut sektor, barangan pengguna mencakupi 11.716 juta saham diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan 86.688 juta, pembinaan 53.451 juta, perdagangan/perkhidmatan 154.864 juta, teknologi 16.955 juta, prasarana 3.899 juta, kewangan 83.116 juta, hotel 14.913 juta, hartanah 43.496 juta, perladangan 19.629 juta, perlombongan 3.314 juta, amanah 165,980, dana tertutup 251,000, pinjaman 9.239 juta, TSR/waran 92.446 juta and terbitan hak 21.501 juta.

Dalam senarai kaunter paling cergas, APL Industries mencatat 42.683 juta saham diniagakan. Puncak-terbitan hak 21.501 juta, Olympia 20.612 juta, Intria 15.969 juta, Maybank 15.350 juta, Renong 14.586 juta, Gula Perak 13.567 juta, Kobay 13.418 juta, Aikbee 13.148 juta dan Magnum 12.133 juta.

Pada Jumaat, APL Industries susut setengah sen kepada 78.5 sen, Olympia susut satu sen kepada 24.5 sen, Intria susut tiga sen kepada 62 sen, Maybank susut 10 sen kepada RM7.70, Renong susut dua sen kepada 78 sen, Gula Perak susut satu sen kepada 93 sen, Kobay untung 10 sen kepada RM3.24, Aikbee untung lima sen kepada RM2.41 dan Magnum susut dua sen kepada RM2.15.

Sementara itu, Indeks Komposit Bursa Urusniaga Sekuriti dan Sebut Harga Automasi (MESDAQ) susut 0.99 kepada 73.84.

Supercomal yang merupakan satu-satunya kaunter yang diniagakan minggu ini, susut 10 sen kepada RM2.00 dengan 1,000 saham bertukar tangan. --
BERNAMA

MAS SEL JR